



TAJUK:

TEKNIK HIASAN TANGAN PADA BARANGAN SERAMIK INDUSTRI

Disediakan oleh:

HASNI BINTI HASAN  
91160166

Bahagian Rujukan & Perkhidmatan Pembaca  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Institut Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan,

---

Tesis ini dikemukakan kepada  
Kajian Senilukis Dan Senireka, Institut Teknologi MARA  
sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan  
Diploma Senilukis Dan Senireka

---

1. Diperiksa oleh ..... Tarikh Nov '95  
2. Diperiksa oleh ..... Tarikh .....  
3. Diperiksa oleh ..... Tarikh .....

Diluluskan oleh ..... Tarikh .....

Dekan

Kajian Senilukis Dan Senireka  
Institut Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

## **PENDAHULUAN**

Tesis ini merupakan satu pengkajian terhadap teknik-teknik dekorasi secara kerjatangan yang dilakukan pada barangan seramik yang dihasilkan secara industri khususnya barangan seramik berbentuk perhiasan dan gunaan seperti pinggan mangkuk.

Di dalam era perindustrian yang maju ini, kilang-kilang seramik telah banyak dilengkapi dengan peralatan pembuatan dan dekorasi yang berteknologi tinggi dan mampu menghasilkan keluaran yang bermutu. Penggunaan mesin-mesin moden ini mula mengambil alih tugas-tugas yang sebelum ini dilakukan secara kerjatangan oleh pekerja-pekerja di industri besar mahupun kecil. Lalu secara beransur-ansur teknik dekorasi secara kerjatangan semakin tidak digunakan. Ini kerana dekorasi secara menggunakan mesin mempunyai beberapa kelebihan misalnya dapat menjimatkan kos tenaga pekerja, barangan yang dihasilkan lebih cepat, mudah, bermutu dan dekorasinya seragam. Kuantiti yang dapat dihasilkan mungkin lebih banyak berbanding dengan pengeluaran oleh tenaga manusia. Ini bersesuaian pada konsep industri yang mementingkan nilai wang.

Walau bagaimana pun, teknologi moden ini tetap ada juga kekurangannya dan sekarang ini masih banyak industri

## SINOPSIS

Aspek dekorasi pada barangan seramik memainkan peranan penting untuk menarik perhatian. Bagi barangan seramik berbentuk perhiasan seperti pasu bunga, kaki lampu dan sebagainya, aspek dekorasi menjadi kepentingan utama diikuti dengan aspek gunaan. Begitu juga dengan barangan gunaan seperti pinggan mangkuk. Walaupun aspek gunaan lebih penting bagi barangan ini, dekorasi juga berperanan menyokong pembeli untuk memilih barangan yang lebih menarik perhatian. Selepas menilai aspek gunaan, perkara kedua yang menjadi tumpuan pengguna ialah dekorasi pada barangan tersebut yang menjadi saingannya dengan barangan lain. Selalunya barangan yang memenuhi aspek gunaan dan berdekorasi menarik mendapat perhatian pengguna.

## Objektif

Tujuan penulisan tesis ini ialah untuk mendedahkan tentang teknik-teknik dekorasi yang dilakukan secara manual terhadap barangan seramik yang dikeluarkan secara industri.

Apa yang ingin dicungkil adalah tentang keaslian hasil-hasil kemahiran kerja tangan yang dipraktikkan ke atas barangan seramik sehingga terhasilnya satu barangan yang menarik perhatian dan bernilai komersial.

---

**ISI KANDUNGAN**

---

**HALAMAN**

HALAMAN PEMERIKSA

PENGHARGAAN

PENDAHULUAN

SINOPSIS

JADUAL ISI KANDUNGAN

SENARAI SISIPAN

**BAB 1 PENGENALAN**

|     |  |    |
|-----|--|----|
| 1.0 | Takrifan dekorasi.....                   | 1  |
| 1.2 | Sejarah awal dekorasi seramik.....       | 4  |
| 1.3 | Penghasilan seramik secara industri..... | 8  |
| 1.4 | Industri seramik di Malaysia.....        | 13 |

**BAB 2**

|     |   |    |
|-----|---|----|
| 2.0 | Bahan pewarna dalam dekorasi seramik..... | 17 |
| 2.1 | Pewarna oxide.....                        | 17 |
| 2.2 | Stain.....                                | 23 |
| 2.3 | Engobe.....                               | 24 |

**BAB 3**

|     |  |    |
|-----|--|----|
| 3.0 | Dekorasi peringkat model dan acuan.<br>(Moulded decoration)..... | 25 |
|-----|--|----|

## **PENGENALAN.**

### **1.0 TAKRIFAN DEKORASI**

Perkataan dekorasi selalu membayangkan kita tentang sesuatu yang indah, bernilai estetika, hasil daya kreativiti yang telah dilakukan pada sesuatu objek.

Dekorasi dalam industri seramik bermaksud merekacorak pada permukaan barangan seramik bagi menghasilkan atau menambah nilai-nilai estetika dan nilai komersial pada barangan tersebut.

Berdasarkan pada buku 'An illustrated dictionary of ceramic', dekorasi bermaksud sebarang tambahan pada bentuk asas barangan seramik dilakukan dengan berbagai teknik seperti lukisan tangan, enamel, 'gilding', menggilap(burnishing), ukiran timbulan, 'transfer printing' dan sebagainya.

**'Decoration is the enhancement of the basic form of a piece of ceramic ware by any of many techniques such as painting, enamelling, gilding...'(1)**

---

(1) Savage, George and Newman, Harold. An Illustrated Dictionary Of Ceramics. Thames and Hudson, 1989. Hal 93.